

22 JAN 2003

Hamid-Al Azhar

K'JAAN PERKETAT KEMASUKAN PELAJAR KE AL AZHAR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KAHERAH, 22 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan memperketatkan sistem kemasukan pelajar Malaysia ke Universiti Al Azhar di Mesir secepat mungkin bagi memastikan mutu pelajar lepasan universiti ternama dunia Islam itu adalah tinggi dan dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata ia merupakan langkah susulan kerajaan berikutan perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sheikul Al Azhar, Dr Mohammad Sayed Tantawi di sini Rabu.

Bercakap kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja Dr Mahathir ke Mesir, Dr Abdul Hamid berkata Perdana Menteri meminta supaya pihak universiti itu memberikan sedikit perhatian kepada masalah pelajar Malaysia yang tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana antara lain dihasut oleh kumpulan politik.

Dr Abdul Hamid berkata Dr Mahathir turut membangkitkan isu betapa mudahnya pelajar swasta dari Malaysia memasuki Universiti Al Azhar walaupun tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi.

"Jadi tindakan susulan yang akan diambil ialah kita perketatkan sistem (kemasukan) sedia ada iaitu pelajar masuk mesti menerusi kedutaan," katanya.

Selain itu, beliau berkata mereka juga akan dikehendaki tinggal sebagai pelajar di Mesir sekurang-kurangnya empat tahun sebelum boleh menerima ijazah masing-masing.

Menurut Dr Abdul Hamid, daripada 20 institusi pengajian agama di Malaysia, 14 daripadanya dikendalikan oleh swasta dan diiktiraf sebagai universiti oleh Universiti Al Azhar sehinggakan ada pelajar yang datang ke sini boleh terus memasuki tahun akhir pengajian.

Katanya kerajaan berpendapat institusi seumpama itu tidak mencapai standard yang membolehkan pelajar masing-masing diiktiraf kemasukan mereka ke universiti.

Beliau berkata apa yang lebih mendukacitakan ialah pelajar tahun akhir (empat) yang gagal boleh mengulang semula pelajaran mereka tanpa batas masa tertentu.

"Jadi mereka duduk lama di sini dan rasa seronok. Yang bahaya ialah bila ada di kalangan mereka yang mempunyai kecenderungan politik yang sangat berbeza sehingga menghasut penuntut-penuntut lain," katanya.

Beliau berkata mereka yang tidak berpuas hati dengan kerajaan akan kembali ke Malaysia dan terus menghasut pelajar-pelajar yang menjadi penuntut mereka kelak.

-- BERNAMA  
MAM MFZ RHM